

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' SRI RICHARD RIOT ANAK  
JAEM [ SERIAN ]**

**TARIKH : 1 DISEMBER 2020 (SELASA)**

**SOALAN**

**DATO' SRI RICHARD RIOT ANAK JAEM [ SERIAN ]** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan usaha untuk meningkatkan liputan telefon dan internet di kawasan luar bandar di seluruh negara khususnya di Sarawak.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian sentiasa memberikan tumpuan kepada penambahbaikan infrastruktur komunikasi melalui penyediaan liputan jalur lebar berkelajuan tinggi dengan menggunakan pelbagai teknologi di seluruh negara terutamanya di kawasan luar bandar termasuk di negeri Sarawak.

Di bawah pelan Jalinan Digital Negara (JENDELA), penambahbaikan infrastruktur digital yang dilaksanakan secara berfasa akan memberikan kualiti pengalaman yang sama rata antara kawasan bandar dan luar bandar.

Sasaran fasa pertama yang kini telah bermula sehingga tahun 2022 adalah :

- a. membolehkan penambahan daripada 4.95 juta premis kepada 7.50 juta premis mendapat akses kepada jalur lebar talian tetap berkelajuan gigabit;
- b. perluasan liputan jalur lebar mudah alih 4G daripada 91.8% kepada 96.9% di kawasan yang berpenduduk; serta
- c. mempertingkatkan kelajuan purata jalur lebar mudah alih daripada 25Mbps kepada 35Mbps.

Di negeri Sarawak, perluasan rangkaian gentian optik sebanyak 58,371 premis akan disediakan akses kepada perkhidmatan berkelajuan gigabit. Manakala perkhidmatan jalur lebar mudah alih pula, sebanyak 692 menara baharu akan dibina, manakala 2,041 alat pemancar komunikasi sedia ada akan dinaik taraf kepada teknologi 4G.

Walau bagaimanapun, segala inisiatif pembangunan infrastruktur digital ini memerlukan kerjasama dari semua pihak, terutamanya di peringkat Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) untuk pemudahcaraan proses dan kelulusan bagi projek-projek yang telah dirancang dan yang akan dilaksanakan.